

Pusaka Watan dalam Manuskrip Melayu

Tradisi penulisan ialah warisan penting dalam ketamadunan manusia. Sesebuah masyarakat yang bertamadun mempunyai daya pemikiran dan kemahiran menulis serta membaca yang menjadi satu syarat dalam penyebaran ilmu. Masyarakat Melayu meneruskan legasi sebagai masyarakat bertamadun dengan merekodkan pencapaian dan kejadian yang telah berlaku dan yang sedang berlaku dalam zaman mereka dalam bentuk bertulis yang menjadi rekod sejarah yang mampu menjadi bukti pencapaian masyarakat Melayu. Oleh itu, manuskrip Melayu menyimpan seribu satu ilmu tentang kehidupan masyarakat di wilayah Alam Melayu ini. Buku ini adalah hasil koleksi kertas kerja berkaitan terpilih dari Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu (SEMALU 2021) yang dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM), Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2021. Warisan ilmu manuskrip Melayu perlu diangkat dan diteliti dari semua jenis manuskrip dan bidang bagi memastikan ilmu leluhur Melayu dapat dimanfaatkan sebagai acuan dalam kehidupan generasi masyarakat Melayu pada masa hadapan. Kepelbagaian bahan seperti warkah, karya sastra, karya sejarah dan sebagainya perlu diperhalusi secara makro dan mikro bagi mendapatkan inti pati bersesuaian dengan tajuk yang diberikan bagi naskah ini, iaitu Pusaka Watan dalam Manuskrip Melayu. Penerbitan ini adalah salah satu daripada usaha Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM), Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM bagi mengangkat penyelidikan manuskrip Melayu yang sekali gus melestarikan warisan ilmu yang menjadi bukti kepada peradaban alam Melayu. Justeru itu, dengan terhasilnya penerbitan ini diharap ia mampu menjadi bahan bacaan sarjana Alam Melayu dan bacaan umum masyarakat dalam mengenali akal budi Melayu melalui pusaka watan ini sebagai pedoman kepada generasi kini dan akan datang.

ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA, PhD, Felo Penyelidik di ATMA, UKM dalam bidang Kodikologi Manuskrip dan Budaya Seni Islam Alam Melayu. SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD, PhD, Prof. Madya di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional. AHMAD BAZRI MOKHTAR, Pegawai Penyelidik Sosial di Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu, ATMA, UKM



www.ukm.my/penerbit



Pusaka Watan dalam Manuskrip Melayu

ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA
SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD
AHMAD BAZRI MOKHTAR



Pusaka Watan dalam Manuskrip Melayu

disunting oleh
ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA
SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD
AHMAD BAZRI MOKHTAR

Pusaka Watan dalam Manuskrip Melayu

disunting oleh

**ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA
SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD
AHMAD BAZRI MOKHTAR**

**PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2023
www.ukm.my/penerbit**

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2023
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
Pewaris Gemilang Sdn. Bhd.
No. 27G, Jalan Putra 8,
Taman Kajang Putra, 43000 Kajang, Selangor.

ISBN 978-629-486-057-5

Kandungan

Senarai Jadual & Rajah ... 9

Prakata ... 13

- BAB 1 Khazanah Intelektual Watan sebagai Acuan Kemajuan Bangsa ... 15
Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Salmah Jan Noor Muhammad & Ahmad Bazri Mokhtar
- BAB 2 Komunikasi dalam Hubungan Diplomatik Kesultanan Melayu Melaka dan Kerajaan-kerajaan Pengganti Berdasarkan Warkah dan Naskhah Terpilih ... 26
Ainul Akmal Hisham Ainul Hafizan, Abdul Muati@Zamri Ahmad & Salmah Jan Noor Muhammad
- BAB 3 Etnosentrisme Orientalis Barat terhadap Diplomatik Melayu: Pembuktian Menerusi Warkah Melayu Terpilih ... 36
Salmah Jan Noor Muhammad & Nadiatul Shakinah Abdu Rahman
- BAB 4 Kesultanan Beolongan (Bulungan) dan Pensejarahan Sabah ... 46
Abdul Rahman Mad Ali@Abang, Fatmah Haji Sidek & Zaini Othman
- BAB 5 Antagonis Migran Cina dalam Perang Monterado: Suatu Penelitian terhadap Naskhah Syair Perang Cina di Monterado ... 58
Steven Alezender

- BAB 6 Kesejarahan dan Keunikan *Salasilah Melayu dan Bugis* sebagai Sebuah Pensejarahan Melayu ... 83
Mardiana Nordin
- BAB 7 Ketokohan Raja Ali Haji dalam Bidang Agama ... 119
Mohd Noor Daud & Siti Kausar Zakaria
- BAB 8 Pemikiran Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien dalam *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*: Satu Analisis terhadap Asas Pendidikan Beraliran Tasawuf Alam Melayu ... 133
Mohd Anuar Mamat
- BAB 9 Bentuk Lagu dan Nyanyian Melayu dalam Sastera Melayu Klasik dari Abad ke-14 hingga ke-19 ... 152
Shafa'atussara Silahudin
- BAB 10 Penggunaan Pantun, Tujuan dan Keindahan Bahasa dalam *Hikayat Raja Babi* ... 172
Siti Noridayu Abd. Nasir & Hazlina Abdul Halim
- BAB 11 Penulisan Daur Kecil untuk Penentuan Tarikh dalam Budaya Melayu ... 184
Abdul Razak Salleh
- BAB 12 Seni Bina Rumah Tradisional Melayu Berpaksikan Adat: Kajian Kes Rumah Beladang Bin Sotimejo ... 193
Norazila Kamarulzaman, Noraslinda Abdul Rahman, Raja Nafida Raja Shahminan & Muhammad Solehin Fitry Rosley

- BAB 13 Eksplorasi dalam Kisah Pelayaran Abdullah Melalui Pemerian
Latar ... 207
*Nordiana Ab Jabar, Mohd Saipuddin Suliman &
Sudirman Kiffli*
- BAB 14 Jenis-jenis Tekstil dalam Penjilidan Manuskrip al-Quran Alam
Melayu ... 221
Ros Mahwati Ahmad Zakaria
- BAB 15 Seni dan Nilai Kepengarangan Melayu Berdasarkan Teks
Khutbah *Sabil Al-Muhtadin* ... 245
Muammar Ghaddafi Hanafiah & Ahmad Bazri Mokhtar
- Rujukan ... 259*
Indeks ... 275

Prakata

Alhamdulillah syukur kehadiran Allah Subhanahuwataala kerana dengan izin-Nya kami telah berjaya menghasilkan sebuah buku yang merupakan hasil artikel terpilih dari Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu (SEMALU 2021) yang dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM), Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2021. Tujuan utama buku ini dihasilkan adalah untuk memperkayakan bahan penulisan dari hasil penyelidikan terhadap manuskrip Melayu yang merentasi enam subtema, iaitu sejarah, keagamaan, bahasa/sastera, etnosains, seni dan konservasi.

Warisan ilmu manuskrip Melayu perlu diangkat dan diteliti dari semua jenis manuskrip dan bidang bagi memastikan ilmu leluhur Melayu dapat dimanfaatkan sebagai acuan dalam kehidupan generasi masyarakat Melayu hari ini. Kepelbagaian bahan seperti warkah, karya sastera, karya sejarah dan sebagainya perlu diperhalusi secara makro dan mikro bagi mendapatkan segala intipati yang hendak disampaikan bersesuaian dengan tajuk yang diberikan bagi naskah ini, iaitu *Pusaka Watan dalam Manuskrip Melayu*.

Penerbitan ini adalah salah satu daripada usaha Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM), Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM bagi mengangkat penyelidikan manuskrip Melayu di bawah dana TKS 413 yang sekali gus melestarikan warisan ilmu yang menjadi bukti kepada peradaban tamadun alam Melayu. Justeru itu, dengan terhasilnya penerbitan ini diharap ia menjadi panduan dan rujukan buat semua lapisan masyarakat khususnya para pelajar dan penyelidik muda. Oleh yang demikian, pihak Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM), Institut Alam dan Tamadun Melayu akan terus berusaha untuk mengangkat khazanah ilmu alam Melayu melalui manuskrip Melayu sebagai pedoman kepada generasi kini dan akan datang.

*Ros Mahwati Ahmad Zakaria
Salmah Jan Noor Muhammad
Ahmad Bazri Mokhtar*

Bab 13

Eksplorasi dalam *Kisah Pelayaran Abdullah* Melalui Pemerian Latar

Nordiana Ab Jabar, Mohd Saipuddin Suliman &
Sudirman Kiffli

Pengenalan

Perkataan sastera dikatakan berasal daripada bahasa Sanskrit, iaitu *castra* yang bererti kitab suci. Bagi makna kesusasteraan pula diertikan sebagai segala penghasilan sastera yang dinikmati atau disampaikan baik melalui tulisan mahupun daripada pembacaan yang diucapkan melalui lisan atau pendengaran (Harun et al. 2006: 6). Pernyataan ini juga turut disokong oleh Danziger dan Jahson (1983:3) yang menyatakan bahawa definisi sastera adalah satu bentuk seni yang menggunakan kata-kata sama ada lisan atau bertulis. Bukan itu sahaja, sastera juga turut merangkumi semua aspek yang menggunakan bahasa yang bersifat kreatif (Ismail 1998:23). Malahan, pengertian sastera juga telah ditegaskan oleh Abu Bakar Hamid (1997:13) yang menyatakan bahawa sastera merupakan suatu bentuk seni yang bercorak intelektual dan gabungan kepuasan intelek dan kepuasan estetik. Selain itu, bagi definisi karya agung pula merujuk kepada karya klasik yang telah meninggalkan kesan budaya, pemikiran, pandangan dan falsafah hidup yang kekal menjadi ingatan bagi sesuatu bangsa. Takrifan ‘karya’ menurut *Kamus Dewan* bermaksud buatan atau ciptaan sesuatu, manakala ‘agung’ pula bererti paling besar yang memperlihatkan kepada tertinggi, teristimewa dan terkemuka. Karya agung juga dilihat sebagai satu lambang keunggulan daya cipta bangsa dalam membentuk tradisi dan identitinya yang tersendiri.

Di samping itu, pengertian hikayat menurut Rahman (1949: 34) adalah “cerita lama yang dianggap sebagai suatu cabang kesusasteraan Melayu Lama. Hikayat disampaikan dengan gaya tertentu. Bahasanya